
2016 ANNUAL REPORT

BAIDURI BANK BHD

LAPORAN TAHUNAN 2016

BAIDURI BANK



LAPORAN TAHUNAN 2016

BAIDURI BANK BHD

PENYATA VISI DAN MISI

VISI

Menjadi kumpulan perbankan dan kewangan yang terunggul di Brunei Darussalam




MISI

Sebagai sebuah entiti tempatan yang sebenar di Brunei Darussalam, Kumpulan berjanji untuk menyediakan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan yang komprehensif dan inovatif kepada masyarakat Brunei Darussalam



KANDUNGAN



Penyata Pengerusi

Maklumat Korporat

Pemegang-Pemegang Saham

Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan

Anugerah Antarabangsa dan Akolad

Pencapaian Kewangan 2016



Peristiwa-Peristiwa Korporat

Persekitaran Perbankan Brunei

Perbankan Korporat

Perbankan Runcit

Baiduri Finance

Baiduri Capital

Inisiatif Peningkatan Perkhidmatan Pelanggan

Pelaburan dalam Keselamatan Online

Sumber Manusia

Tanggungjawab Sosial Korporat

Anugerah Antarabangsa dan Pengiktirafan



Penyata Kewangan

Laporan Lembaga Pengarah

Laporan Juruaudit Baiduri Bank

Penyata Untung Rugi

Penyata Pendapatan Komprehensif Lain

Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Penyata Aliran Tunai

Lain-Lain Maklumat Kewangan

Pejabat-Pejabat, Cawangan-Cawangan & Rangkaian ATM



“Sebagai sebuah bank terkemuka yang mempunyai komitmen yang kuat terhadap pasaran Brunei, Baiduri Bank akan terus memainkan peranan aktif dalam pertumbuhan ekonomi negara dan program pembangunan kebangsaan untuk memenuhi matlamat dan objektif Wawasan Brunei 2035.”

YTM Pg Anak Isteri Pg Anak Hajah Zariah
Binti Almarhum Pg Pemancha
Pg Anak Haji Mohamed Alam

Penyata Pengerusi

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun Baiduri Bank Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Persekitaran Perbankan Domestik

Industri perbankan tempatan terus menghadapi cabaran dalam pertumbuhan meskipun terdapat nisbah pinjaman kepada deposit yang rendah disebabkan oleh tahap kemajuan ekonomi yang perlahan hasil daripada harga rendah minyak dan gas yang berpanjangan.

Penubuhan Darussalam Enterprise (DARe) pada bulan Januari 2016, sebuah badan yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan usahawan tempatan di Brunei, dijangka membuka peluang bagi bank-bank tempatan untuk membiayai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan mempelbagaikan portfolio masing-masing.

Pengumuman pada tahun 2016 oleh sebuah bank antarabangsa yang memaklumkan hajatnya untuk menghentikan operasi di Brunei telah membantu Baiduri Bank untuk menghadapi cabaran ini tanpa kesan yang besar berikutan pengambilalihan akaun bank tersebut secara dinamik.

Keputusan Kewangan

Dalam persekitaran perniagaan yang agak mencabar, Kumpulan Bank Baiduri merakamkan hasil yang memuaskan bagi tahun 2016, berikutan usaha keras yang dilakukan oleh bahagian terasnya yang terdiri daripada perbankan runcit, perbankan korporat dan pembiayaan pengguna di bawah Baiduri Finance, anak syarikat milik penuh Baiduri Bank.

Walaupun Pendapatan Kasar Kumpulan dan Keuntungan Operasi Kumpulan menurun kepada BND 168.5 dan BND 67.7 juta masing-masing pada tahun 2016, Jumlah Aset Kumpulan mencatatkan kenaikan 22% daripada BND3.34 bilion pada 2015 kepada BND4.1 bilion pada 2016, terutamanya disebabkan peningkatan deposit daripada pelanggan baru. Dalam tempoh yang sama, jumlah Ekuiti Kumpulan Bank Baiduri meningkat sebanyak 6.5% kepada BND441 juta.

PENYATA PENERUSI

Baiduri Bank mencapai keputusan pada 2016 yang lebih baik berbanding tahun 2015. Pendapatan Kasar dan Keuntungan Operasi meningkat masing-masing sebanyak 9% kepada BND129.17 juta dan BND63.5 juta. Hasil daripada penilaian dan pengurusan risiko berhemah, peruntukan konservatif dan pengawalan kos yang berkesan, Baiduri Bank mencapai Keuntungan Bersih selepas Cukai sebanyak BND45.1 juta, iaitu peningkatan 6.25% berbanding 2015. Pulangan atas Ekuiti kekal tinggi pada 14%. Nisbah Kecukupan Modal Bank sebanyak 18.2% pada tahun 2016 jauh melebihi nisbah minimum 10% yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Disebabkan oleh sekatan berterusan dari pihak berkuasa terhadap pemberian pinjaman, Baiduri Finance mencatatkan penurunan sebanyak 14.5% dalam Pendapatan Kasarnya kepada BND60.0 juta. Selepas perbelanjaan, Baiduri Finance mencapai Keuntungan Operasi BND24.5 juta. Baiduri Finance masih kekal sebagai peneraju dalam industri pembiayaan kereta dengan memiliki 66% dalam bahagian pasaran, peningkatan sederhana dari tahun 2015.

Maklumat Perniagaan

Perbankan Korporat

Potongan perbelanjaan sektor awam telah menyebabkan berkurangnya projek infrastruktur dan pembinaan baru dari pihak Kerajaan. Kebanyakan projek semasa yang dibiayai oleh Bank akan disiapkan pada awal tahun 2017. Pengurangan perbelanjaan modal dan operasi dalam Sektor Minyak dan Gas telah memberi kesan kepada pembiayaan Baiduri Bank untuk sektor ini. Walaupun mengalami persekitaran yang sangat mencabar ini, Baiduri Bank mampu menghalang portfolio korporat kami daripada merosot dengan mendadak, susulan pengambilalihan akaun korporat dari sebuah bank yang bakal menamatkan perkhidmatannya.

Perbankan Runcit

Pemindahan akaun United Overseas Bank, Cawangan Brunei telah siap pada awal 2016 berikutan pembelian Perbankan Runcit bank itu pada Oktober tahun sebelumnya. 2016 juga menyaksikan pengambilalihan pinjaman gadai janji yang dinamik dari sebuah bank antarabangsa yang akan menamatkan perkhidmatannya. Ini telah membantu portfolio pinjaman runcit kami kekal pada paras yang sama pada 2015 disebalik ekonomi yang perlahan.



Dalam persekitaran perniagaan yang agak mencabar, Kumpulan Bank Baiduri merakamkan hasil yang memuaskan bagi tahun 2016, berikutan usaha keras yang dilakukan oleh bahagian terasnya yang terdiri daripada perbankan runcit, perbankan korporat dan pembiayaan pengguna di bawah Baiduri Finance, anak syarikat milik penuh Baiduri Bank

Unit Perbankan Perniagaan yang ditubuhkan pada tahun 2015 bertujuan untuk menawarkan perkhidmatan tambahan kepada Bahagian Perbankan Korporat kami. Ianya menyediakan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang direka khusus untuk perniagaan kecil. Pada tahun 2016, Unit ini melancarkan "MerchantSuite", iaitu platform pembayaran online dengan kos yang berpatutan untuk PMKS. MerchantSuite membolehkan perniagaan kecil untuk mengeluarkan invois dan menerima bayaran secara online tanpa memerlukan laman web.

Di bawah perkhidmatan Kad, kami menyemak semula cadangan nilai pelanggan kami untuk rangkaian produk kad kami demi memperbaharui program bagi kad-kad terpilih, dan program pertama yang dipertingkatkan dijangka dilancarkan pada awal tahun 2017.

PENYATA PENERUSI

Kumpulan Bank Baiduri



**Pendapatan Kasar
(BND)**

168.5m



**Keuntungan Operasi
(BND)**

67.7m



**Jumlah Ekuiti
(BND)**

441m



**Jumlah Aset
(BND)**

4.1bn

Baiduri Bank



**Keuntungan Bersih
Selepas Cukai
(BND)**

45.1m

meningkat sebanyak

6.25%

Baiduri Finance



**Pendapatan Kasar
(BND)**

60.0m

**Keuntungan Operasi
(BND)**

24.5m



**Bahagian Pasaran
dalam Industri
Pembiayaan Kereta**

66%



Baiduri Finance

Pada April 2016, Kad Prabayar Baiduri Mastercard Auto Direct diperkenalkan dengan matlamat untuk memberikan lebih banyak kemudahan kepada pelanggan sewa beli Baiduri Finance semasa melakukan pembayaran sewa beli melalui ATM dan perbankan internet. Di samping itu, pemegang kad dapat memanfaatkan faedah seperti diskaun di pedagang kad Baiduri terpilih dan mendapat mata ganjaran apabila menggunakan kad tersebut. Baiduri Finance kekal sebagai satu-satunya syarikat kewangan di Brunei diperakui untuk ISO 9001 bagi Sistem Pengurusan Kualiti.

Baiduri Capital

Anak syarikat kami, Baiduri Capital mula beroperasi pada bulan Jun 2015 dan menjadi yang pertama di pasaran Brunei menawarkan portal dagangan sekuriti online. Pada awalnya menyediakan akses kepada SGX (S) HKEx (HK) dan Bursa Malaysia, syarikat memperkenalkan akses kepada Pasaran Saham

PENYATA PENERUSI

Anak syarikat kami, Baiduri Capital mula beroperasi pada bulan Jun 2015 dan menjadi yang pertama di pasaran Brunei menawarkan portal dagangan sekuriti online

Amerika Syarikat dan Saham China A pada 2016. Bon dan Bursa Berdagang (ETF) telah ditambah untuk menyediakan pelanggan dengan lebih banyak pilihan untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka. Unit amanah dan produk insurans hayat berkaitan dengan pelaburan, yang sebelum ini ditawarkan di bawah Baiduri Bank dipindah ke Baiduri Capital pada awal 2016. Kumpulan pertama perancang kewangan kanan dari Baiduri Bank menamatkan pengajian pada awal tahun 2016 dan telah dianugerahkan Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL), iaitu suatu pra-syarat untuk perancang kewangan dan jualan unit amanah saham dan produk insurans hayat berkaitan dengan pelaburan.

Maklumat Operasi

Pensijilan ISO9001:2015

Bahagian Pengurusan Operasi, Kepelbagaian dan Pembangunan Strategik Baiduri Bank, yang melingkungi 7 buah jabatan, memperoleh pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2015 pada bulan Oktober 2016. Piawaian antarabangsa ini merupakan asas yang kukuh untuk kesesuaiannya dengan keperluan pelanggan dan pengawalseliaan serta inisiatif pembangunan yang perpanjangan.

Perbankan Online Baiduri yang dipertingkatkan

Pada bulan Januari 2016, kami melancarkan fasa ke 2 dalam versi Perbankan Online Baiduri yang dipertingkatkan untuk mempermudah dan meningkatkan fleksibiliti untuk pengguna. Ciri baharu ialah bayaran Sewa Beli Kenderaan yang kini boleh menunjukkan baki dalam masa sebenar. Terdapat juga pilihan untuk membuat bayaran kepada beberapa penerima serentak dalam satu transaksi. Ini satu kemudahan bagi pelanggan yang memproses jumlah bayaran yang tinggi. Pelanggan juga boleh memohon bayaran ansuran atas pembelian melalui kad kredit atau memohon arahan tetap untuk pembayaran kad kredit. Sebagai ciri keselamatan tambahan untuk pemindahan dana online, pengesahan dua faktor dalam bentuk One Time Pin (OTP) yang

Perbankan Online yang dipertingkatkan



Sewa Beli Kenderaan

- Menunjukkan baki dalam masa sebenar; Membuat bayaran kepada beberapa penerima serentak dalam satu transaksi; Bayaran ansuran melalui kad kredit



One-Time-Pin (OTP)

- Pengesahan dua faktor yang dihantar melalui SMS kepada pemegang akaun sebagai ciri keselamatan tambahan untuk pemindahan dana

dihantar melalui SMS kepada pemegang akaun juga diperkenalkan.

Konfigurasi Rangkaian Cawangan Sesuai Untuk Segmen Pasaran

Projek konfigurasi rangkaian cawangan Baiduri Bank bertujuan untuk menyesuaikan reka bentuk setiap cawangan dengan segmen pasaran dan kawasan sekitarnya. Dalam projek ini, dua cawangan dipindahkan pada 2016. Cawangan Tutong telah dipindahkan ke premis yang lebih besar di Petani Mall manakala Cawangan Kiulap dipindahkan ke Kompleks Shakirin. Menawarkan perkhidmatan penuh kepada individu dan perniagaan, kedua-dua premis ini mempunyai hiasan moden dan kontemporari untuk mencerminkan dinamisme dan semangat inovatif Baiduri Bank. Cawangan-cawangan yang dinaik taraf juga dilengkapi dengan Wi-Fi percuma serta ATM baru untuk memenuhi keperluan pelanggan yang berususniaga secara elektronik yang semakin meningkat.

Sumber Manusia

Pada akhir tahun 2016, Kumpulan Bank Baiduri mempunyai sejumlah 735 orang kakitangan. Program pembangunan kakitangan dipergiatkan lagi dengan penekanan yang kuat terhadap perkhidmatan pelanggan, pengetahuan produk dan kecekapan teknikal. Sebanyak 162 program latihan yang terdiri daripada latihan dalaman, tempatan dan luar negara telah dianjurkan.

PENYATA PENERUSI

Program pembangunan kakitangan dipergiatkan lagi dengan penekanan yang kuat terhadap perkhidmatan pelanggan, pengetahuan produk dan kecekapan teknikal

Tanggungjawab Sosial Korporat

Menyokong Kebajikan Tempatan

Kumpulan Bank Baiduri terus menyokong badan-badan amal tempatan terutama yang berkaitan dengan kanak-kanak keperluan khas. "Baiduri Masters", sebuah acara golf tahunan yang dianjurkan untuk mengumpul dana untuk amal, tetap menjadi acara golf terbesar di Brunei. Pada 2016, lebih daripada BND80,000 berjaya dikumpul semasa kejohanan golf amal ini dan didermakan kepada lima badan kebajikan tempatan.

Membantu membangunkan Kecelikan Kewangan di kalangan orang Brunei

Sebagai menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan kecelikan kewangan dan menggalakkan simpanan di kalangan penduduk Brunei, Baiduri Bank sejak tahun 2012 menjadi penyokong utama dan penaja program Junior Achievement (JA). Ahli-ahli kakitangan sukarelawan Kumpulan Bank Baiduri bertindak sebagai fasilitator dalam Program Syarikat JA di sekolah-sekolah. Di samping itu, perancang kewangan peribadi dari Baiduri Bank kerap memberi ceramah perancangan kewangan di sekolah-sekolah serta di jabatan kerajaan. Baiduri Bank juga merupakan rakan kongsi Asia Inc Forum dalam menyediakan bimbingan dan peluang-peluang rangkaian perniagaan kepada PKS tempatan.

Anugerah Antarabangsa Dan Pengiktirafan

Pada tahun 2016, Baiduri Bank memenangi empat anugerah perbankan antarabangsa berprestij. Global Finance menganugerahkan Baiduri Bank, "The World's Best Emerging Markets Bank in Asia-Pacific 2016 for Brunei". Majalah Asian Banking and Finance memberikan Baiduri Bank "Domestic Retail Bank of the Year for Brunei 2016" untuk tahun keempat berturut-turut. Majalah World Finance menganugerahkan Kumpulan Bank Baiduri "Best Banking Group Brunei 2016" untuk lapan tahun berturut-turut sementara majalah The Banker menganugerahkan Baiduri Bank "Bank of the Year for Brunei 2016" untuk kali ke 11 sejak tahun 2002.

Agensi Penarafan Standard & Poor's mengesahkan semula penarafan kredit Baiduri Bank ditahap BBB/A-2 dengan pandangan stabil masa depan pada September 2016.

Rancangan Masa Hadapan

Selaras dengan strategi global kami untuk pertumbuhan, kami akan terus berusaha untuk memenuhi keperluan pelanggan kami. Untuk 2017, kami akan terus memberi tumpuan kepada tiga bidang utama: meningkatkan kualiti dan kebolehpercayaan perkhidmatan; meningkatkan profesionalisme dalam tenaga kerja dan memperkenalkan lebih banyak produk dan perkhidmatan.


Sejajar dengan peralihan trend dan untuk mempercepatkan sumbangan Kumpulan terhadap transformasi digital dalam perbankan, kami berhasrat untuk memanfaatkan inovasi baru Fintech untuk meningkatkan keupayaan perbankan digital kami demi memberi pelanggan tahap kecanggihan dan pengalaman perbankan yang baru.

Sebagai sebuah bank terkemuka yang mempunyai komitmen yang kuat terhadap pasaran Brunei, Baiduri Bank akan terus memainkan peranan aktif dalam pertumbuhan ekonomi negara dan program pembangunan kebangsaan untuk memenuhi matlamat dan objektif Wawasan Brunei 2035.

Penghargaan


Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas sokongan mereka. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham dan pelanggan kami atas sokongan dan keyakinan berterusan mereka.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan Lembaga Pengarah kepada pengurusan dan kakitangan di atas usaha keras mereka dan sumbangan yang amat bernilai untuk tahun yang berjaya.



YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah Pengerusi

MAKLUMAT KORPORAT



Maklumat Korporat

- Pemegang-Pemegang Saham
- Lembaga Pengarah
- Jawatankuasa Pengurusan
- Anugerah Antarabangsa dan Akolad
- Pencapaian Kewangan 2016

MAKLUMAT KORPORAT

PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

Baiduri Holdings Bhd
Royal Brunei Airlines Sdn Bhd
Royal Brunei Technical Services Sdn Bhd
BNP Paribas

LEMBAGA PENGARAH



**YTM Pg Anak Isteri Pg Anak Hajah Zariah Binti
Almarhum Pg Pemancha Pg Anak Haji Mohamed Alam**
Pengerusi




**YAM Pengiran Muda
Dr. Abdul Fattaah**
Ahli Lembaga



**YM Dato Paduka
Timothy Ong Teck Mong**
Ahli Lembaga



Norliah Binti Haji Kula
Ahli Lembaga



Haji Sofian Bin Jani
Ahli Lembaga



Francis Gerard Caze
Ahli Lembaga



Bertie Cheng Shao Shiong
Ahli Lembaga

MAKLUMAT KORPORAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN



1 **Pierre Imhof**
Ketua Pegawai Eksekutif

2 **Ti Eng Hui**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

3 **Andrew Young Chee Ann**
Timbalan Pengurus Am, Pengurusan Operasi,
Kepelbagaian & Pembangunan Strategik

4 **Hj Haliluddin Bin Dato Hj Talib**
Pengurus Am, Baiduri Finance

5 **Yvonne Chan Eng Pheng**
Pengurus Kanan, Perbankan Korporat

6 **Pg Azaleen Bin Pg Dato Hj Mustapha**
Pengurus Kanan, Perbankan Runcit

7 **Veronica Chong Nyet Hwa**
Pengurus Kanan, Sumber-Sumber Manusia
dan Kewangan

8 **Ak Nor Muhammad Nizam Bin Pg Hj Tengah**
Pengurus Kanan, Perbendaharan

MAKLUMAT KORPORAT

Anugerah Antarabangsa & Akolad

Pada tahun 2016, Baiduri Bank telah menerima empat anugerah utama dan pengiktirafan.

Global Finance menganugerahkan Baiduri Bank sebagai “The World’s Best Emerging Markets Bank in Asia-Pacific 2016 for Brunei” untuk kali kedua; majalah Asian Banking & Finance menganugerahkan Baiduri Bank sebagai Bank Runcit Tempatan Brunei (Domestic Retail Bank of the Year for 2016) bagi tahun 2016 buat keempat kali berturut-turut; Majalah World Finance menganugerahkan Kumpulan Bank Baiduri sebagai Kumpulan Perbankan Terbaik di Brunei buat kelapan kali berturut-turut dan majalah The Banker menganugerahkan Baiduri Bank sebagai Bank of the Year untuk kali kesebelas.

Agensi Penarafan Standard & Poor’s mengiktiraf Baiduri Bank dengan penarafan kredit BBB/A-2 dengan pandangan stabil masa depan pada September 2016.

Anak syarikat milik penuh Baiduri Bank, Baiduri Finance, telah diiktiraf ke ISO 9001 sejak tahun 2003.



Juruaudit

KPMG

Pengendali Pkhidmatan Kesetiausahaan Korporat

Deloitte & Touche Management Services Pte Ltd

Anugerah Utama 2016



- Best Emerging Markets Bank in Asia-Pacific 2016 for Brunei



- Domestic Retail Bank of the Year for Brunei 2016



- Best Banking Group for Brunei 2016



- Bank of The Year 2016 for Brunei

PENCAPAIAN KEWANGAN 2016

Keputusan Operasi Bank

TAHUN BERAKHIR DECEMBER 31

(B\$ ribu, kecuali maklumat sesaham)

2016

2015

Bagi Tahun - Keputusan Operasi

Hasil ⁽¹⁾	129,170	118,258
Pendapatan bersih	116,588	107,703
Pulangan ke atas aset	1.44%	1.78%
Pulangan ke atas ekuiti pemegang saham	13.87%	14.43%
Saham dikeluarkan dan dibayar (dalam ribu)	150,000	150,000

Pada Akhir Tahun

Jumlah Aset	3,129	2,382
Jumlah Pinjaman dan Pendahuluan (bersih)	1,113	1,148
Jumlah deposit	2,513	1,707
Jumlah ekuiti pemegang saham	325	294

Kandungan


⁽¹⁾ Termasuk pendapatan faedah dan tanpa faedah, tidak termasuk perbelanjaan faedah

Nisbah Kecukupan Modal (Bank)


	2016	2015	2014	2013
Tier 1 (Modal Utama)	18.62%	18.18%	16.83%	19.46%
Jumlah Modal	18.21%	17.54%	15.89%	18.88%

PENCAPAIAN KEWANGAN 2016


Jumlah Hasil Kumpulan (2016)
(\$'000)




Deposit Pelanggan Kumpulan




Dana Pemegang Saham Kumpulan




Keuntungan Selapas Cukai Bersih Kumpulan




Pinjaman Pelanggan Kumpulan (Bersih)




Pulangan Ke Atas Jumlah Aset Kumpulan



Aset Kumpulan



Jumlah Pendapatan Kumpulan



■ Pendapatan Faedah Bersih ■ Pendapatan Bukan Faedah

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT 2016



Peristiwa-Peristiwa Korporat

- Persekutaran Perbankan Brunei
- Perbankan Korporat
- Perbankan Runcit
- Baiduri Finance
- Baiduri Capital
- Inisiatif Peningkatan Perkhidmatan Pelanggan
- Pelaburan dalam Keselamatan Online
- Sumber Manusia
- Tanggungjawab Sosial Korporat
- Anugerah Antarabangsa dan Pengiktirafan

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT



Selaras dengan komitmen kami untuk membangunkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), kami menubuhkan Unit Perbankan Perniagaan di Bahagian Perbankan Runcit pada April 2015. Unit ini berfungsi sebagai tambahan kepada Bahagian Perbankan Korporat kami dengan memasarkan kepada akaun bukan pinjaman dan pinjaman kecil.

Persekitaran Perbankan Brunei

Disebabkan oleh harga minyak dan gas yang rendah dan pengurangan perbelanjaan oleh Kerajaan dalam usahanya untuk mengukuhkan kewangan awam, peluang bagi bank untuk berkembang adalah terhad walaupun kadar nisbah pinjaman-kepada-deposit pada umumnya rendah. Walau bagaimanapun usaha kerajaan untuk memulihkan keadaan ekonomi sedang giat di jalankan.

Dengan PKS yang merangkumi 90% perniagaan di Brunei, kerajaan memperkenalkan Darussalam Enterprise (DARe), sebuah badan statutori yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan perusahaan tempatan. Penubuhan DARe diharapkan akan membantu membuka peluang baru untuk bank tempatan untuk membiayai PMKS dan membantu mempelbagaikan portfolio mereka.

Walaupun berhadapan dengan keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan, Kumpulan Bank Baiduri masih dapat mencatatkan perkembangan pada tahun 2016, dan mencapai hasil yang memuaskan. Bahagian-bahagian berikut akan memberi gambaran mengenai sorotan untuk Kumpulan Bank Baiduri pada tahun 2016.

Perbankan Korporat

Pengurangan perbelanjaan sektor awam serta sekatan perbelanjaan modal dan operasi dalam Sektor Minyak dan Gas telah menjejaskan perniagaan kami di sektor ini. Walaupun dalam persekitaran yang mencabar ini, kami masih dapat mengekalkan portfolio perbankan korporat kami pada tahap yang sama, terutamanya disebabkan pengambilalihan akaun korporat bank yang bakal menamatkan perkhidmatannya.

Perbankan Runcit

Perbankan Perniagaan

Selaras dengan komitmen kami untuk membangunkan PMKS, kami menubuhkan Unit Perbankan Perniagaan di bawah Bahagian Perbankan Runcit pada April 2015. Unit ini menawarkan perkhidmatan tambahan kepada Jabatan Perbankan Korporat kami dengan tujuan memasarkan kepada akaun bukan pinjaman dan pinjaman kecil. Perkhidmatan-perkhidmatan adalah termasuk saudagar kad untuk peniaga-peniaga runcit; penubuhan Baiduri Internet Gateway System (BIGS) - sistem gerbang pembayaran internet pertama bertempat di Brunei; memperkenalkan Perbankan Internet Perniagaan (Business i-Banking) untuk

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT



Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (Rtd) Dato Seri Setia (Dr) Awang Hj Mohammad Yasmin bin Hj Umar (ke-5 dari kiri) semasa pelancaran MerchantSuite.

menggalakkan urusniaga tanpa kertas; dan membantu mereka dalam keperluan kewangan mereka.

Pada bulan Ogos 2016, Unit Perbankan Perniagaan melancarkan MerchantSuite, platform pembayaran online dengan harga yang berpatutan untuk PMKS yang membolehkan penjual kecil atau individu mengeluarkan invoice dan menerima pembayaran secara online tanpa perlu mempunyai laman web. Sama ada perniagaan konvensional atau perniagaan melalui saluran media sosial seperti Instagram dan Facebook, MerchantSuite menyediakan perniagaan dengan saluran pembayaran kad yang selamat dan boleh dipercayai serta ciri-ciri digital yang lain untuk membantu dalam mengeluarkan invoice serta menerima bayaran. MerchantSuite mematuhi pengiktirafan global PCI-DSS sejajar dengan komitmen Bank Baiduri untuk menyediakan standard industri tertinggi dalam keselamatan data.

Baiduri Finance

Pertumbuhan disebalik Sekatan Pengawalseliaan

Walaupun menghadapi sekatan pengawalseliaan baru mengenai pembiayaan peribadi, anak syarikat milik penuh kami, Baiduri Finance masih menjadi peneraju pasaran dalam pembiayaan kereta, mencatatkan peningkatan sederhana dalam bahagian pasaran.



Peningkatan dicapai kerana ikatan strategik yang kukuh dengan peniaga-peniaga kereta utama dan proses kelulusan permohonan pinjaman yang cepat di samping mendapat manfaat dari penghantaran berbilang saluran dan perkhidmatan sokongan Baiduri Bank.

Kad Prabayar Auto Direct



Kad Pra Bayar Baiduri Auto Direct Mastercard

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT

Pada bulan April, Kad Prabayar Auto Direct Mastercard, yang dikeluarkan secara eksklusif kepada pelanggan sewa beli Baiduri Finance, telah dilancarkan. Bertujuan untuk memudahkan bayaran ansuran sewa beli melalui saluran elektronik Baiduri, pemegang kad juga boleh menuai pelbagai manfaat yang diberikan oleh jenama kad antarabangsa serta diskaun di peniaga Kad Baiduri yang terpilih.

Pensijilan ISO 9001

Sejak tahun 2003, Baiduri Finance telah diiktiraf ke ISO 9001, meterai sistem pengurusan kualiti. Sehingga kini, syarikat itu menjadi satu-satunya organisasi di kalangan syarikat kewangan di Brunei untuk mencapai pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.



Baiduri Capital

Untuk memenuhi keperluan pihak berkuasa kawalselia, kami menubuhkan Baiduri Capital, sebuah anak syarikat milik penuh pada bulan Jun 2015. Syarikat ini menyediakan perkhidmatan perdagangan sekuriti di pasaran saham antarabangsa melalui platform online yang merupakan yang pertama dan satu-satunya di Brunei, memanfaatkan segmen professional muda



Galeri tontonan di Baiduri Capital yang menyediakan pelanggan dengan akses ke pergerakan masa nyata di pelbagai pasaran saham.

yang berpendidikan tinggi dan pelabur yang berminat meneroka pasaran sekuriti antarabangsa.

Sejak dilancarkan secara rasmi, Baiduri Capital telah menyediakan pelanggan dengan akses ke pasaran sekuriti antarabangsa termasuk SGX (Singapura), HKEx (HongKong) dan Bursa Malaysia.

Pengenalan Pasaran Saham Amerika Syarikat

Pada 2016, Baiduri Capital menambah lagi peluang bagi pelabur untuk mempelbagaikan portfolio mereka dengan menyediakan akses ke Bursa Saham New York (NYSE), Bursa Saham NASDAQ dan NYSE MKT LLC (AMEX).

Pengenalan China A Share

Baiduri Capital juga memperkenalkan dagangan dalam saham China A (China A Share) di portal dagangan online mereka. Saham China A merupakan saham syarikat-syarikat yang berpusat di negara China, yang tersenarai di Bursa Saham Shanghai dan Bursa Saham Shenzhen yang sebelum ini hanya ditawarkan untuk pembelian oleh penduduk negara China.

Dengan memperkenalkan Bursa Saham Shanghai-Hong Kong Connect, perdagangan sekuriti dan program pautan penjelasan yang dikendalikan bersama oleh Hong Kong Exchanges and Clearing Limited (HKEx), Bursa Saham Shanghai (SSE) dan China Securities Depository and Clearing Corporation

Akses Pasaran Saham Amerika Syarikat

Baiduri Capital menambah lagi peluang bagi pelabur untuk mempelbagaikan portfolio mereka dengan menyediakan akses ke Pasaran Saham Amerika Syarikat



- NYSE MKT LLC (AMEX)
- NASDAQ STOCK EXCHANGE
- NEW YORK STOCK EXCHANGE (NYSE)

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT



Pg Azaleen bin Pg Dato Hj Mustapha, Ketua Perbankan Runcit dan Rangkaian Cawangan Baiduri Bank dengan Tetamu Kehormat, Yang Mulia Awang Yusof bin Hj Abdul Rahman, Pengarah Urusan, AMBD semasa pelancaran Cawangan Tutong.

Sebagai sebahagian daripada projek konfigurasi rangkaian cawangan Baiduri Bank, yang bertujuan untuk mengubah reka bentuk setiap cawangan sesuai dengan segmen pasaran dan kawasan sekitarnya, dua cawangan telah dipindahkan pada tahun 2016. Cawangan Tutong telah pindah ke premis yang lebih besar di Petani Mall manakala cawangan Kiulap dipindahkan ke Kompleks Shakirin.

Limited (ChinaClear) pelabur luar negara mempunyai akses langsung kepada pelaburan di syarikat-syarikat utama China atau China A Shares dan bukan syarikat induk luar pesisir yang tersenarai.

Mempelbagaikan Produk

Baiduri Capital juga menawarkan lima jenis Unit Dana Amanah iaitu BlackRock Global Multi-Asset Income Fund, BlackRock Asian Tiger Bond Fund, BlackRock China Fund, BlackRock Global Allocation Fund dan BlackRock Equity Income Fund.

Inisiatif Peningkatan Perkhidmatan Pelanggan

Pada tahun 2016, Baiduri Bank meneruskan inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dan berada di hadapan persaingan.

Konfigurasi Rangkaian Cawangan Sesuai Untuk Segmen Pasaran

Sebagai sebahagian daripada projek konfigurasi rangkaian cawangan Baiduri Bank, yang bertujuan untuk mengubah reka bentuk setiap cawangan sesuai dengan segmen pasaran dan kawasan sekitarnya, dua cawangan telah dipindahkan pada tahun 2016. Cawangan Tutong telah pindah ke premis yang lebih besar di Petani Mall manakala cawangan Kiulap dipindahkan ke Kompleks Shakirin.

Menawarkan perkhidmatan perbankan penuh kepada individu dan perniagaan, kedua-dua premis ini mempunyai hiasan moden dan kontemporari yang mencerminkan dinamisme dan semangat inovatif Baiduri Bank. Cawangan-cawangan yang dinaik taraf ini menawarkan Wi-Fi percuma dan dilengkapi dengan ATM baru untuk memenuhi keperluan fizikal dan elektronik pelanggan yang semakin bertambah.

Mempertingkatkan Perbankan Online Baiduri

Semakin teknologi berkembang, maka bilangan pelanggan yang melaksanakan urusan mereka melalui saluran elektronik juga turut meningkat. Untuk menampung jumlah yang semakin meningkat, kami terus mencari jalan untuk menjana lebih banyak kemudahan dan fleksibiliti yang lebih luas untuk pelanggan perbankan online kami.



PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT

Pada bulan Januari 2016, kami melancarkan Fasa 2 Versi Perbankan Online Baiduri yang dipertingkatkan untuk memberikan kemudahan yang lebih baik serta meningkatkan kepelbagaian pengguna. Ciri baru termasuk Bayaran Sewa Beli Kenderaan yang menunjukkan baki dalam masa nyata. Satu lagi ciri yang baru ialah pilihan untuk membuat pelbagai bayaran secara serentak, menjadikannya sangat mudah bagi pelanggan yang perlu memproses jumlah bayaran yang tinggi. Pelanggan juga boleh memohon bayaran ansuran atas pembelian kad kredit atau arahan tetap untuk pembayaran kad kredit.

Sebagai ciri keselamatan tambahan untuk pindahan dana online, pengesahan dua faktor dalam bentuk One Time Pin (OTP) yang dihantar melalui SMS kepada pemegang akaun juga diperkenalkan. Hasil kajian dua bulan yang dijalankan selepas dilancarkan mendedahkan bahawa 94.1% responden mendapati perkhidmatan PIB kami mudah, 90.6% mendapati ia mesra pengguna dan 93% akan mengesyorkan perkhidmatan kepada rakan mereka.

Menaiktaraf ATM

Pada tahun 2016, kami telah melancarkan 11 ATM baru, yang membawa rangkaian ATM kami kepada sejumlah 46 unit. Unit-unit baru ini dilengkapi dengan Mesin Pengitar Wang Tunai Elektronik (ECRM) untuk membantu meningkatkan kecekapan operasi ATM dan menampung keperluan pelanggan kami yang lebih suka saluran elektronik yang semakin meningkat berbanding perkhidmatan kaunter.



ECRM baru Baiduri Bank diperkenalkan pada tahun 2016

Meningkatkan Bantuan Pelanggan

Pusat Panggilan kami, yang sebelum ini dikendalikan setiap hari dari jam 7 pagi hingga 12 tengah malam, diperluaskan untuk beroperasi 24 jam setiap hari dari



Pusat Panggilan, E-Banking, Pengesahan Kad dan hotline untuk melaporkan kad hilang atau dicuri telah digabungkan dan ditempatkan di bawah satu nombor Hotline Pelanggan

Oktober 2016, bagi memenuhi keperluan panggilan daripada pelanggan yang semakin meningkat. Di samping itu, Pusat Panggilan, E-Banking, Pengesahan Kad dan hotline melaporkan kehilangan atau kecurian kad telah digabungkan dan ditempatkan di bawah satu talian nombor Hotline Pelanggan. Ini dilakukan untuk memberikan keselesaan kepada pelanggan supaya mereka hanya perlu ingat dan memanggil satu talian nombor untuk menghubungi mana-mana jabatan.

Pelaburan dalam Keselamatan Online

Pensijilan Payment Card Data Security Standard (PCI-DSS)



PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT



Kakitangan Bank Baiduri bergambar dengan sijil mereka setelah tamat kursus Program Pengamal Perancangan Kewangan.

Baiduri Bank telah mencapai pensijilan antarabangsa bagi Payment Card Data Security Standard (Piawaian Keselamatan Data Industri Pembayaran Kad atau PCI-DSS) untuk sistem dan proses pembayaran kad sejak 2014. Program pensijilan kami dinaik taraf kepada Versi 3.1 pada bulan November 2015 dan seterusnya dinaik taraf lagi kepada Versi 3.2 pada 2016. Ini menunjukkan komitmen kami untuk mencapai standard keselamatan data tertinggi.

Pensijilan PCI-DSS memerlukan tahap keselamatan yang ketat semasa memproses dan menghantar data pemegang kad. Ini bertujuan memberi perlindungan pengguna daripada kebocoran data kad kredit. Piawaian PCI-DSS disyorkan oleh jenama kad utama (Visa Inc., Mastercard Worldwide, Discover Network, American Express dan JCB). Pensijilan ini adalah jaminan kami kepada para pelanggan dan pihak berkepentingan bahawa pihak kami mengambil serius terhadap privasi dan keselamatan data mereka. Sehingga kini, Baiduri Bank kekal sebagai satu-satunya bank di Brunei yang untuk mencapai pensijilan ini.

Sumber Manusia

Menjelang akhir tahun 2016, Kumpulan Bank Baiduri telah menggaji seramai 735 kakitangan. Pada tahun ini, sejumlah 162 program latihan yang terdiri daripada latihan dalaman, tempatan dan luar negara telah dianjurkan yang keseluruhannya merangkumi tempoh 257 hari.

Dalam usaha kami untuk meningkatkan kapasiti manusia dan mempromosikan perbankan sebagai kerjaya yang bermanfaat, kami mengikuti pesta kerjaya utama di Negara Brunei Darussalam untuk mempromosikan Baiduri sebagai majikan pilihan. Ini termasuk penganjuran pameran kerjaya di Maktab Duli, Pesta Kerjaya KB Sentral, Pesta UBD CoNECT, Pesta Kerjaya Pop-Up UTB dan Pesta Kerjaya Brunei di BRIDEX.

Disebabkan peningkatan kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan dan untuk memupuk keyakinan pelanggan, kakitangan Baiduri

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT

Bank telah menjalani latihan dan kajian di Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam (CIBFM). Ahli kakitangan Baiduri yang terdiri daripada dua puluh satu orang telah menerima sijil mereka setelah berjaya menamatkan dan lulus dalam kursus Program Pengamal Perancangan Kewangan (Financial Planning Practitioners (FPPP)) di CIBFM.

Dengan pengijazahan kumpulan pertama perancang kewangan kanan dari Baiduri Bank dengan Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL), Baiduri Capital mampu menawarkan rangkaian lengkap perkhidmatan termasuk perancangan persaraan, analisis jurang, kajian portfolio, pemeriksaan kesihatan kewangan dan penilaian profil risiko.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Pendidikan Awam

MINGGU KEWANGAN GLOBAL

Baiduri Bank telah menjadi penyokong kuat bagi Minggu Kewangan Global (Global Money Week). Tema untuk Minggu Kewangan Global 2016 ialah 'Ambil Bahagian, Pintar Berjimat'. Baiduri Bank mengambil bahagian dalam perayaan ini dengan menganjurkan lawatan pelajar ke cawangan Kiarong kami dan mengadakan taklimat untuk mendidik para pelajar tentang perbankan dunia. Di samping itu, Perancang Kewangan Beriktiraf kami menyampaikan ceramah dengan harapan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan berjimat, mengekalkan gaya hidup kewangan yang mapan serta perancangan masa depan. Pelajar juga diajar tentang perkara wang melalui aktiviti interaktif.

HARI SIMPANAN KEBANGSAAN

Bersempena dengan Hari Simpanan Kebangsaan yang dianjurkan oleh Autoriti Monetari Negara Brunei Darussalam (AMBD), kakitangan Baiduri Bank mengambil bahagian dalam jerayawara untuk pelajar di Yayasan Sultan Hassanal Bolkiah. Dengan tema 'Generasi Celik Kewangan', matlamatnya adalah untuk mewujudkan generasi yang berhemah dengan kewangan mereka dan memahami keperluan untuk menyimpan. Beberapa aktiviti, yang direka khas oleh Baiduri Bank, telah dijalankan untuk para pelajar dalam mempelajari mengenai kewangan dengan cara yang menyeronokkan dan interaktif.

Perancang Kewangan Beriktiraf kami menyampaikan ceramah dengan harapan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan berjimat, mengekalkan gaya hidup kewangan yang mapan serta perancangan masa depan



Joel Loo, Penolong Pengurus Pelaburan di Baiduri Capital, mendidik para pelajar tentang celik kewangan.



Peserta Hari Simpanan Kebangsaan



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Hj Suyoi bin Hj Osman mengambil bahagian dalam salah satu aktiviti semasa Pesta Hijau

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT

PESTA HIJAU

2016 adalah tahun yang luar biasa untuk Baiduri ketika kami menjadi tuan rumah jerayawara luaran pertama kami, Pesta Hijau, yang diadakan di Jerudong Park Amphitheatre and Open Court. Perayaan yang dijalankan selama tiga hari itu dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Hj Suyoi bin Hj Osman, Menteri Pendidikan. Objektif perayaan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya gaya hidup sihat dan untuk menyokong perniagaan tempatan di Brunei.

Sebagai perayaan yang bertemakan kesejahteraan holistik merangkumi kesejahteraan kewangan, fizikal, sosial dan emosi, pelbagai pedagang tempatan telah dijemput untuk menyertai jerayawara luaran terbesar kami. Pelbagai permainan juga dijalankan oleh Baiduri Bank untuk orang ramai dengan peluang untuk memenangi hadiah menarik.

Kemampanan**MENJAGA ALAM SEKITAR**

Tahun 2016 menandakan tahun ketujuh berturut-turut Baiduri Bank menyertai komuniti global dalam pemeliharaan Earth Hour. Sempena Earth Hour, kami mematikan lampu papan tanda dan lampu-lampu yang tidak penting di cawangan kami selama satu jam bermula dari jam 8.30 malam.

Kakitangan dan anggota keluarga Baiduri bergabung dengan berjuta-juta orang di seluruh dunia dalam inisiatif World Wild Life Fund for Nature (Dana Hidupan Liar dunia Untuk Alam) yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pemuliharaan tenaga dan perubahan iklim, dan mematikan lampu dan peralatan tidak penting, peralatan elektronik dan alat gajet di rumah mereka untuk menjimatkan tenaga.

**Setiap Titik Berguna, Dermalah Darah Hari Ini**

- Baiduri Bank telah menjadi penaja utama Hari Penderma Darah Sedunia

**Golf Amal Baiduri Masters**

- Kejohanan ini menyaksikan lebih daripada 800 pemain golf menyertai kegiatan amal melalui golf

Dengan mengambil bahagian dalam projek ini, kami berharap dapat memberi inspirasi dan dorongan kepada orang ramai untuk menyertai Earth Hour untuk membuat perubahan dalam alam sekitar.

Pembangunan Komuniti**SETIAP TITIK BERGUNA, DERMALAH DARAH HARI INI**

Pada bulan Jun 2016, sejumlah 90 orang terdiri daripada kakitangan dan pelanggan Kumpulan Bank Baiduri mengambil bahagian dalam kempen derma darah tahunan yang dianjurkan bersama oleh Kumpulan Bank Baiduri dan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS Hospital) dengan tujuan dapat memupuk semangat keprihatinan antara pekerja bank. Tema tahun ini ialah 'Every Drop Counts'. Give Blood Today' (Setiap titik berguna, dermalah darah hari ini). Kumpulan Bank Baiduri telah lama berkomitmen untuk membantu dalam pembangunan komuniti. Antara lain, Bank ini telah menjadi penaja utama Hari Penderma Darah Sedunia.

Semangat dalam Menyumbangkan Bantuan**GOLF AMAL BAIDURI MASTERS**

2016 menandakan edisi ke-21 Kejohanan Golf Amal Baiduri Masters. Kejohanan ini menyaksikan lebih daripada 800 pemain golf menyertai kegiatan amal melalui golf dan berharap dapat memenangi pelbagai hadiah. Juara, Tony Hj Karim, menerima Jaket Hijau Baiduri Masters dan Piala Rebutan. Kejohanan

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT



Tony Hj Karim, Juara bagi Kejohanan Baiduri Masters ke-21, menerima Piala Rebutan dari Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr Abdul Fattaah

ini juga menampilkan hadiah-hadiah yang terdiri daripada sebuah Porsche Cayenne, sebuah Mini-Cooper, sebuah BMW 2-series Active Tourer dan dua hadiah wang tunai bernilai BND20,000 setiap satu.

BANTUAN BUAT KELUARGA DI BULAN RAMADHAN

Dengan semangat amal pada bulan Ramadhan, Kumpulan Bank Baiduri menganjurkan aktiviti pembersihan dan pembaikan rumah bagi sebuah keluarga yang tinggal di rumah yang usang di Kilanas. Keluarga itu tinggal di rumah yang separuh runtuh apabila lantai dapur mereka musnah pada 30 Mei 2016. Rumah kayu itu pada asalnya dibina pada akhir tahun tujuh puluhan. 20 anggota staf Kumpulan Bank Baiduri meluangkan masa mereka di rumah pada awal hari Sabtu dan menghabiskan pagi membersihkan tapak sebagai persediaan untuk kerja-pekerja pembaikan.



Sukarelawan Kumpulan Bank Baiduri dalam membantu pembersihan rumah milik keluarga yang memerlukan

Anugerah Antarabangsa dan Pengiktirafan

Pada tahun 2016, Kumpulan Bank Baiduri telah menerima empat anugerah utama perbankan dan pengiktirafan.

The Best Banking Group, Brunei 2016

Tahun ini menandakan tahun kelapan berturut-turut Kumpulan Bank Baiduri telah dianugerahkan sebagai Kumpulan Perbankan Terbaik, Brunei 2016 oleh World Finance Magazine. Anugerah ini diberikan kepada Kumpulan Bank Baiduri berdasarkan prestasi kukuh mereka dalam pelbagai kriteria seperti perkhidmatan pelanggan, pematuhan, inovasi, kepimpinan pasaran dan penyebaran geografi dan liputan media yang positif.

Bank of The Year 2016

Baiduri Bank dianugerahkan Bank of the Year dari Majalah The Banker untuk kali yang kesebelas. Ti Eng Hui, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Baiduri Bank menerima anugerah itu bagi pihak Baiduri Bank dalam satu upacara di London. Penerimaan anugerah Bank of the Year di negara ini oleh The Banker menunjukkan pengurusan yang kukuh, model perniagaan yang baik dan pendekatan risiko yang berhemat di Baiduri Bank.



Paul Richardson, Penerbit World News Media yang menyampaikan anugerah kepada Pierre Imhof, Ketua Pegawai Eksekutif Baiduri Bank

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT

Anugerah “Domestic Retail Bank of the Year for Brunei” bagi Tahun 2016 menunjukkan keupayaan bank untuk memenuhi keperluan dinamik pelanggan dalam era teknologi ini. Baiduri Bank telah berjaya mengikuti trend semasa disamping terus berinovasi dalam produk dan perkhidmatan



Pg Azaleen Pg Dato Hj Mustapha menerima anugerah daripada Tim Charlton, Ketua Penyunting Majalah Asian Banking and Finance



Michael Buerk, Penyampai dan Koresponden BBC (kiri) dan Stefania Palma, Penyunting Asia, Majalah The Banker dengan Ti Eng Hui, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Baiduri Bank

Domestic Retail Bank of the Year for Brunei

Baiduri Bank menerima “Domestic Retail Bank of the Year for Brunei” (Bank Runcit Tempatan Brunei) bagi tahun 2016 buat keempat kali berturut-turut dari Asian Banking and Finance magazine (Majalah Perbankan dan Kewangan Asia). Menerima anugerah itu bagi pihak Baiduri Bank ialah Pg Azaleen bin Pg Dato Hj Mustapha, Ketua Perbankan Runcit dan Rangkaian Cawangan di Baiduri Bank. Anugerah itu menunjukkan keupayaan bank untuk memenuhi keperluan dinamik pelanggan dalam era teknologi ini. Baiduri Bank telah berjaya mengikuti trend semasa disamping terus berinovasi dalam produk dan perkhidmatan.

The Best Bank in Brunei 2016

Baiduri Bank telah dianugerahkan oleh Global Finance magazine (majalah Kewangan Sedunia) sebagai “The World’s Best Emerging Markets Banks in Asia-Pacific 2016” (Bank Terbaik di Pasaran Membangun di Asia-Pasifik) untuk Brunei. Ini menandakan kali kedua bahawa Baiduri telah menerima anugerah ini. Walaupun terdapat cabaran dalam segmen pasaran ini, Baiduri mampu memperoleh hasil dalam kriteria pertambahan aset, keuntungan, hubungan strategik, perkhidmatan pelanggan, harga kompetitif dan produk berinovatif.



PENYATA KEWANGAN

Kegiatan utama Bank dan Kumpulan adalah untuk menjalankan perniagaan perbankan dan perkhidmatan berkaitan kewangan termasuklah berurusan dalam sekuriti pelaburan dan perkhidmatan e-kewangan.



Penyata Kewangan

- Laporan Lembaga Pengarah
- Laporan Juruaudit
- Penyata Untung Rugi
- Penyata Pendapatan
- Komprehensif Lain
- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
- Penyata Aliran Tunai
- Lain-Lain Maklumat Kewangan

**Pejabat-Pejabat,
Cawangan-Cawangan &
Rangkaian ATM**

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Para pengarah dengan sukacita membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan Baiduri Bank Berhad (Bank) dan anak-anak syarikat (Kumpulan) yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir Disember 31, 2016.

Kegiatan Utama

Kegiatan utama Bank dan Kumpulan adalah untuk menjalankan perniagaan perbankan dan perkhidmatan berkaitan kewangan termasuklah berurusan dalam sekuriti pelaburan dan perkhidmatan e-kewangan. Tiada perubahan penting dalam kegiatan utama sepanjang tahun kewangan.

Keputusan

	Bank B\$'000	Kumpulan B\$'000
Baki pada		
Disember 31, 2015	34,809	126,667
Jumlah Keuntungan bagi tahun kewangan	45,109	41,034
Dipindahkan dari Keuntungan Tersimpan kepada:		
- Rizab Berkanun	(11,277)	(12,090)
Dividen dibayar	(14,150)	(14,150)
Baki pada		
Disember 31, 2016	54,491	141,461

Rizab dan Peruntukan

Tidak terdapat pemindahan wang kepada atau daripada rizab dan peruntukan dalam tahun kewangan selain daripada didedahkan dalam penyata kewangan.

Penyata Kewangan

Keadaan urusan Syarikat pada Disember 31, 2016 adalah dijelaskan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata kewangan ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada Mac 22, 2017.

Dividen

Dividen dibayar untuk tahun kewangan berakhir Disember 31, 2015	B\$ 14,150,000
--	---------------------------

Pada Mesyuarat Agung yang akan datang, dividen sebanyak B\$14,150,000 bagi tahun kewangan berakhir Disember 31, 2016 akan dicadangkan bagi kelulusan pemegang saham.

Pengarah-Pengarah

Pengarah-pengarah semasa tahun kewangan dan pada tarikh laporan ini adalah:

YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah
YAM Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah
YM Dato Paduka Timothy Ong Teck Mong
Norliah Binti Haji Kula
Haji Sofian Bin Jani
Francis Gerard Caze
Bertie Cheng Shao Shiong

Juruaudit

Juruaudit, KPMG, telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik semula.


Bagi Pihak Lembaga Pengarah



PENGARAH



PENGARAH



PENGARAH

Brunei Darussalam

Date: 22 Mac 2017

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Laporan audit penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Baiduri Bank Berhad (“Bank”) dan anak-anak syarikatnya (“Kumpulan”) yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan Bank dan Kumpulan seperti pada 31 Disember 2016, penyata untung rugi, penyata pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Bank dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, termasuk dasar perakaunan penting.

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan Bank dan Kumpulan yang disertakan telah di sediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat Brunei Darussalam, Bab 39 (“Akta”) dan Standard Laporan Kewangan Antarabangsa (“IFRSs”), termasuk pengubahsuaian Instrumen Kewangan IAS 39; Pengiktirafan dan Ukuran ke atas Garispandu memperuntukkan kerugian pinjaman No.1/2009 “Peruntukan bagi Hutang Lapuk dan Meragukan” dikeluarkan mengikut Perintah Perbankan 2006, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Bank dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Asas kepada pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (“ISAs”). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah dinyatakan di dalam seksyen “Tanggungjawab Juruaudit ke atas audit penyata kewangan” dalam laporan kami. Kami adalah berkecuali dari Kumpulan selaras dengan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akaun bagi Akauntan Profesional (Kod IESBA) bersama-sama dengan keperluan etika yang berkaitan dengan audit penyata kewangan di Brunei Darussalam, dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika kami mengikut keperluan-keperluan ini dan Kod IESBA. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

Maklumat Selain dari Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Pengarah-pengarah adalah bertanggungjawab bagi maklumat lain. Lain-lain maklumat mengandungi Laporan Pengarah di mukasurat 30 hingga 32 tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit mengenainya.

Pendapat kami terhadap penyata kewangan tidak merangkumi lain-lain maklumat dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Berkaitan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu dengan ketara tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan kami yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya kelihatan tersalah nyata dengan ketara. Jika, berdasarkan hasil kerja yang kami telah lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa sekiranya terdapat salah nyata yang ketara terhadap maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan hakikat itu. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Pengarah ke atas Penyata Kewangan

Pengarah-pengarah Bank bertanggungjawab terhadap penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan ini menurut peruntukan-peruntukan Akta dan IFRSs, termasuk pengubahsuaian Instrumen Kewangan IAS 39: Pengiktirafan dan Ukuran ke atas Garispandu memperuntukkan kerugian pinjaman No.1/2009 “Peruntukan bagi Hutang Lapuk dan Meragukan” dikeluarkan mengikut Perintah Perbankan 2006, dan bagi kawalan dalaman seperti pengarah menentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, pengarah-pengarah adalah bertanggungjawab dalam menilai keupayaan Kumpulan untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, mendedahkan, seperti yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan jika pengarah sama ada bercadang untuk membubarkan kumpulan atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab pengarah termasuk memantau proses melapor kewangan Kumpulan.

Tanggungjawab juruaudit untuk audit penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami.

Keyakinan yang munasabah adalah tahap keyakinan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut ISAs akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau secara agregat, mereka boleh dijangka dengan munasabah mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit menurut ISAs, kami menjalankan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko pemalsuan ketara terhadap penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merekabentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko tersebut dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi untuk memberi asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan kolusi, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah nyata atau penangguhan kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman tentang kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang sesuai dalam keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan sebab-sebab munasabah anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Memberi pandangan terhadap kesesuaian penggunaan dasar perakaunan usaha berterusan oleh pengurusan, dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, adakah berlaku ketidakpastian penting berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang dapat menimbulkan keraguan besar terhadap kemampuan Kumpulan untuk meneruskan perniagaannya. Jika kami berpandangan bahawa ketidakpastian penting wujud, kami dikehendaki menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan atau, sekiranya pendedahan sedemikian tidak mencukupi, untuk

mengubahsuai pendapat kami. Pandangan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan di masa hadapan mungkin menyebabkan Kumpulan berhenti untuk terus sebagai usaha berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mencerminkan urusanniaga dan peristiwa mendasarkan cara pembentangan yang saksama.
- Dapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan yang disatukan. Kami bertanggungjawab ke arah arahan, pengawasan dan prestasi audit Kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para pengarah mengenai, antara perkara penting, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal semasa audit kami.

Laporan keperluan undang-undang dan keperluan yang lain

Kami membentuk pendapat audit kami mengenai penyata kedudukan kewangan Bank dan Kumpulan berdasarkan maklumat dan penjelasan yang diberikan kepada kami dan seperti yang ditunjukkan oleh buku-buku Bank dan Kumpulan. Kami telah memperolehi semua maklumat dan penjelasan yang kami perlukan.


KPMG

Akauntan Awam Bertauliah


HJ Shazali bin Tan Sri Dato Hj Sulaiman
Akauntan Awam

Brunei Darussalam

Date: 22 Mac 2017

PENYATA UNTUNG RUGI

BAGI TAHUN BERAKHIR DISEMBER 31, 2016

	BANK			KUMPULAN		
	2016 B\$'000	2015 B\$'000	Perubahan	2016 B\$'000	2015 B\$'000	Perubahan
Pendapatan						
Pendapatan Faedah	79,028	72,007	9.75%	135,232	138,620	-2.44%
Perbelanjaan Faedah	(12,248)	(10,247)	19.53%	(18,476)	(16,317)	13.23%
Pendapatan Faedah Bersih	66,780	61,760	8.13%	116,756	122,303	-4.54%
Pendapatan Yuran	8,629	9,163	-5.83%	8,849	9,182	-3.63%
Perbelanjaan Yuran	(334)	(308)	8.44%	(379)	(315)	20.32%
Pendapatan Yuran Bersih	8,295	8,855	-6.32%	8,470	8,867	-4.48%
Lain-lain Pendapatan Operasi	41,514	37,401	11.00%	24,395	24,924	-2.12%
Kerugian Bersih dari Lain-lain Instrumen Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	(1)	(313)	-99.68%	(1)	(313)	-99.68%
Lain-lain Pendapatan Operasi Bersih	41,513	37,088	11.93%	24,394	24,611	-0.88%
Jumlah Pendapatan Operasi sebelum Caj Kemerosotan dan Peruntukan	116,588	107,703	8.25%	149,620	155,781	-3.95%
Kurang:						
Perbelanjaan Kakitangan	(27,127)	(25,937)	4.59%	(32,468)	(30,730)	5.66%
Peruntukan bagi Faedah Akhir Perkhidmatan	(891)	(1,100)	-19.00%	(1,178)	(1,388)	-15.13%
Lain-lain Perbelanjaan Overhed	(25,072)	(22,466)	11.60%	(48,320)	(46,187)	4.62%
Jumlah Perbelanjaan Operasi	(53,090)	(49,503)	7.25%	(81,966)	(78,305)	4.68%
Kurang:						
Kerugian Kemerosotan bagi Pinjaman	(8,533)	(8,415)	1.40%	(12,999)	(10,631)	22.27%
Pinjaman/Kewangan di luput	(33)	(11)	200.00%	(33)	(11)	200.00%
Kemerosotan Pelaburan	(3,000)	-	-	(3,000)	-	-
Jumlah Caj Kemerosotan dan Peruntukan	(11,566)	(8,426)	37.27%	(16,032)	(10,642)	50.64%
Keuntungan sebelum Cukai	51,932	49,774	4.34%	51,622	66,834	-22.76%
Kurang: Perbelanjaan Cukai Pendapatan	(6,823)	(7,320)	-6.79%	(10,588)	(13,346)	-20.67%
Keuntungan selepas Cukai / Keuntungan bagi Tahun	45,109	42,454	6.25%	41,034	53,488	-23.28%

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR DISEMBER 31, 2016

	BANK		KUMPULAN	
	2016 B\$'000	2015 B\$'000	2016 B\$'000	2015 B\$'000
Keuntungan selepas Cukai / Keuntungan bagi Tahun	45,109	42,454	41,034	53,488
Lain-lain Pendapatan Komprehensif	-	-	-	-
Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi Tahun	45,109	42,454	41,034	53,488

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR DISEMBER 31, 2016

	BANK			KUMPULAN		
	2016 B\$'000	2015 B\$'000	Perubahan	2016 B\$'000	2015 B\$'000	Perubahan
ASET						
Tunai dan Dana Jangka Pendek	1,645,114	840,346	95.77%	1,649,937	843,933	95.51%
Baki dengan AMBD	154,305	117,290	31.56%	213,131	175,375	21.53%
Aset Derivatif	386	7	5414.29%	386	7	5414.29%
Sukuk Kerajaan	24,524	9,922	147.17%	24,524	9,922	147.17%
Pelaburan Sekuriti	121,062	196,590	-38.42%	121,062	196,590	-38.42%
Pinjaman dan Pendahuluan	1,112,770	1,147,787	-3.05%	1,984,040	2,036,487	-2.58%
Pelaburan di Anak Syarikat	27,949	27,449	1.82%	-	-	-
Harta, Kilang dan Peralatan	30,053	31,195	-3.66%	31,067	32,374	-4.04%
Lain-lain Aset	13,016	11,832	10.01%	44,437	46,688	-4.82%
Jumlah Aset	3,129,179	2,382,418	31.34%	4,068,584	3,341,376	21.76%
LIABILITI DAN EKUITI						
Deposit dari Pelanggan	2,513,157	1,707,272	47.20%	3,513,210	2,688,837	30.66%
Deposit dari Bank-Bank dan lain-lain Institusi Kewangan	205,794	200,399	2.69%	6,445	38,450	-83.24%
Liabiliti Derivatif	359	243	47.74%	359	243	47.74%
Pinjaman	-	98,950	-100.00%	-	98,950	-100.00%
Baki Pembayaran Kumpulan	4,865	9,956	-51.13%	-	-	-
Lain-lain Liabiliti	57,939	49,808	16.33%	65,010	56,896	14.26%
Cukai Tertunda	8,446	10,778	-21.64%	8,493	10,825	-21.54%
Peruntukan bagi Cukai	13,486	10,839	24.42%	34,330	33,322	3.03%
Jumlah Liabiliti	2,804,046	2,088,245	34.28%	3,627,847	2,927,523	23.92%
EKUITI PEMEGANG SAHAM						
Modal Saham	150,000	150,000	0.00%	150,000	150,000	0.00%
Dana Rizab Berkanun	115,488	104,211	10.82%	144,122	132,032	9.16%
Lain-lain Rizab	59,645	39,962	49.25%	146,615	131,821	11.22%
Jumlah Dana Pemegang Saham / Jumlah Ekuiti	325,133	294,173	10.52%	440,737	413,853	6.50%
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti	3,129,179	2,382,418	31.34%	4,068,584	3,341,376	21.76%
<i>Perkara di luar Kunci Kira-Kira:</i>						
KOMITMEN DAN LUAR JANGKA	1,059,339	1,152,357	-8.07%	1,059,339	1,152,357	-8.07%

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR DISEMBER 31, 2016

Bank	Modal Saham B\$'000	Rizab Berkanun B\$'000	Rizab Am B\$'000	Keuntungan Terkumpul B\$'000	Jumlah Ekuiti B\$'000
Baki pada 01/01/2015	100,000	113,549	19,154	32,517	265,220
Keuntungan bersih bagi 2015	-	-	-	42,454	42,454
Dipindahkan semasa Tahun	-	10,662	-	(10,662)	-
Dipindahkan untuk meningkatkan Modal Saham	50,000	(20,000)	(14,000)	(16,000)	-
Dividen dibayar	-	-	-	(13,500)	(13,500)
Baki pada 31/12/2015	150,000	104,211	5,154	34,809	294,174
Keuntungan bersih bagi 2016	-	-	-	45,109	45,109
Dipindahkan semasa Tahun	-	11,277	-	(11,277)	-
Dividen dibayar	-	-	-	(14,150)	(14,150)
Baki pada 31/12/2016	150,000	115,488	5,154	54,491	325,133

Kumpulan	Modal Saham B\$'000	Rizab Berkanun B\$'000	Rizab Am B\$'000	Keuntungan Terkumpul B\$'000	Jumlah Ekuiti B\$'000
Baki pada 01/01/2015	100,000	137,686	19,154	117,025	373,865
Keuntungan bersih bagi 2015	-	-	-	53,488	53,488
Dipindahkan semasa Tahun	-	14,346	-	(14,346)	-
Dipindahkan untuk meningkatkan Modal Saham	50,000	(20,000)	(14,000)	(16,000)	-
Dividen dibayar	-	-	-	(13,500)	(13,500)
Baki pada 31/12/2015	150,000	132,032	5,154	126,667	413,853
Keuntungan bersih bagi 2016	-	-	-	41,034	41,034
Dipindahkan semasa Tahun	-	12,090	-	(12,090)	-
Dividen dibayar	-	-	-	(14,150)	(14,150)
Baki pada 31/12/2016	150,000	144,122	5,154	141,461	440,737

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR DISEMBER 31, 2016

	BANK		KUMPULAN	
	2016 B\$'000	2015 B\$'000	2016 B\$'000	2015 B\$'000
Aliran masuk dari kegiatan kendalian:				
Keuntungan sebelum cukai:	51,932	49,774	51,622	66,834
<i>Pelarasan untuk butiran bukan tunai:</i>				
Susut nilai Harta, Kilang dan Peralatan	4,677	3,913	5,102	4,320
Hasil Bersih dari pelupusan Harta, Kilang dan Peralatan	(4)	(48)	(16)	(69)
Kerugian Bersih dari lain-lain Instrumen Kewangan pada Saksama melalui Untung dan Rugi	1	313	1	313
Kemerosotan Pelaburan	3,000	-	3,000	-
Kerugian Kemerosotan bagi Pinjaman	8,533	8,415	12,999	10,631
Keuntungan Operasi sebelum perubahan dalam Aset Operasi dan Liabiliti				
	68,139	62,367	72,708	82,029
<i>Perubahan dalam Aset Operasi dan Liabiliti:</i>				
Penempatan dengan Bank-Bank	(126,687)	44,252	(126,687)	44,252
Baki dengan AMBD	(37,015)	2,638	(37,756)	362
Aset Derivatif	(379)	105	(379)	105
Pinjaman dan Pendahuluan	26,484	(110,157)	39,449	(107,864)
Lain-lain aset	(1,184)	2,901	2,251	6,189
Deposit dari Pelanggan	805,884	(363,060)	824,372	(304,908)
Deposit dari Bank-Bank dan lain-lain Institusi Kewangan	5,395	27,873	(32,005)	(41,245)
Liabiliti Derivatif	116	(1,271)	116	(1,271)
Lain-lain Liabiliti	3,041	11,881	8,115	5,142
Tunai dari/(digunakan)dalam kegiatan operasi	743,794	(322,471)	750,184	(317,209)
Cukai Pendapatan dibayar	(6,508)	(5,401)	(11,912)	(11,372)
Tunai bersih dari/(digunakan)dalam kegiatan operasi	737,286	(327,872)	738,272	(328,581)
Aliran Tunai daripada kegiatan Pelaburan				
Pembelian Harta, Kilang dan Peralatan	(3,545)	(17,206)	(3,806)	(17,981)
Hasil dari Pelupusan Harta, Kilang dan Peralatan	15	68	25	90
Pelaburan Bersih	56,926	82,729	57,426	82,729
Pelaburan di Anak Syarikat	500	-	500	-
Tunai bersih dari kegiatan pelaburan	53,896	65,591	54,145	64,838
Aliran tunai dari kegiatan kewangan				
(Berkurang)/Tambahkan bersih dalam pinjaman	(98,950)	32,812	(98,950)	32,812
Dividen dibayar	(14,150)	(13,500)	(14,150)	(13,500)
Tunai bersih (digunakan)/dari kegiatan kewangan	(113,100)	19,312	(113,100)	19,312
Perubahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	678,082	(242,969)	679,317	(244,431)
Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari	602,521	845,490	606,108	850,539
Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember	1,280,603	602,521	1,285,425	606,108

LAIN-LAIN MAKLUMAT KEWANGAN**Nota**

Set lengkap penyata kewangan yang telah diaudit akan disediakan secara cetak di cawangan-cawangan Bank atas permintaan, dalam tempoh 1 minggu selepas penerbitan di akbar.

Pengesahan

Kami, yang bertandatangan di bawah ini, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Kanan – Kewangan Baiduri Bank Berhad mengesahkan secara bersama bahawa:-

- (a) Penyata kewangan di atas telah disediakan sesuai dengan peruntukan Akta Syarikat Negara Brunei Darussalam, Bab 39 dan Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa, termasuk pengubahsuaian Instrumen Kewangan IAS39: Pengiktirafan dan Pengukuran berkaitan dengan peruntukan kerugian pinjaman mengikut Garis Panduan no. 1/2009 'Peruntukan bagi Hutang Lapuk dan Ragu' yang dikeluarkan berdasarkan Perintah Perbankan 2006.
- (b) Maklumat yang terkandung di dalam penyata ini telah diekstrak dari akaun dan penyata kewangan yang telah diaudit.

**PIERRE IMHOF**

Ketua Pegawai Eksekutif

Date: 22 Mac 2017

**VERONICA CHONG**Pengurus Kanan – Kewangan &
Sumber Manusia

Date: 22 Mac 2017

PEJABAT-PEJEBAT, CAWANGAN-CAWANGAN & RANGKAIAN ATM

Ibu Pejabat

Block A, Units 1-4, Kiarong Complex
Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkih BE1318

Tel No: 226 8300

Fax No: 245 5599

Rangkaian Cawangan

CAWANGAN BERIBI (PUSAT PERKHIDMATAN)

Unit 16-17, Ground Floor

Sumbangsih Bahagia

Kompleks Perindustrian Beribi

Bandar Seri Begawan BE1118

Tel No: 242 6807 / 8 / 10 / 11

Fax No: 242 6809

CAWANGAN KIARONG

Ground Floor, Block A, Units 1-4, Kiarong Complex

Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkih BE1318

Tel No: 226 8300

Fax No: 245 2888

CAWANGAN KIULAP

Unit 1, Block A, Kompleks Shakirin

Kg Kiulap, BE1518

Tel No: 223 6905 / 6 / 10

Fax No: 223 6904

CAWANGAN KUALA BELAIT

Units 2-4, Tang Ching Ying Building

Jalan Sungai, Kuala Belait KA2331

Tel No: 333 0650

Fax No: 334 2297

CAWANGAN MUARA TOWN

Units G2 & G3, Ground Floor

Al-Warasah Building, Muara Town BT1128

Tel No: 277 1700 / 1

Fax No: 277 1702

CAWANGAN SENKURONG

Units 1 & 2, Ground Floor

Sengkurong Complex

Kg Sengkurong A BG1121

Tel No: 266 3960

Fax No: 266 3959

CAWANGAN SERIA

Unit 10, Jalan Sultan Omar Ali, Setia

Tel No: 322 2450 / 438 / 960 / 963

Fax No: 322 2433

CAWANGAN SERUSOP

Unit 1, Block A, Kompleks Delima Jaya

Simpang 62, Jalan Muara, Kg Delima Satu BB4713

Tel No: 234 3288

Fax No: 234 3285

CAWANGAN SUPA SAVE GADONG

Units 6 - 8, Supa Save Gadong

Kg Mata-Mata BE1718

Tel No: 242 0627 / 29

Fax No: 242 0909

CAWANGAN THE MALL

Unit G-30, Ground Floor, The Mall

Abdul Razak Complex, Gadong BE3519

Tel No: 242 1498, 242 1398 / 96

Fax No: 242 1415

CAWANGAN TIMES SQUARE

Unit F26, 1st Floor, Times Square

Kampong Jaya Setia, Mukim Berakas A

Tel No: 234 5111

Fax No: 234 5112

CAWANGAN TUTONG

Units 8-9, Ground Floor, Block C

Bangunan Hj Abdul Malik & Anak-Anak

Kg Petani, Tutong TA1141

Tel No: 426 0707

Fax No: 426 0714

CAWANGAN YAYASAN

G.25, Ground Floor, Block C

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih Complex

BS8711

Tel No: 223 3233

Fax No: 222 1891

Pusat Kad

Block A, Unit 8, Kiarong Complex

Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkih BE1318

Tel No: 244 9666

Fax No: 245 4184

Pusat Pinjaman

Block A, Unit 6, Kiarong Complex

Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkih BE1318

Tel No: 226 8433

Fax No: 245 4193

PEJABAT-PEJEBAT, CAWANGAN-CAWANGAN & RANGKAIAN ATM

Pusat Pengurusan Kekayaan

Unit 10, Level 2, Block A, Kiarong Complex,
Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah BE1318

Tel No: 223 2154 / 56 / 57

Fax No: 223 2155

Pusat Perkhidmatan Bisnes

Block B, Ground Floor, Unit 4, Kiarong Complex
Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah BE1318

Tel No: 226 8300

Fax No: 245 5599

Unit Perbankan Bisnes

Block A, Unit 10, 1st Floor, Kiarong Complex
Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah
Bandar Seri Begawan BE1318

Tel No: 244 9666

Email: businessbanking1@baiduri.com

Perbankan Korporat

CAWANGAN KIARONG

Block A, Units 1-2, 2nd Floor, Kiarong Complex
Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah BE1318

Tel No: 226 8311

Fax No: 245 5558

CAWANGAN KUALA BELAIT

Units 2-4, Tang Ching Ying Building
Jalan Sungai, Kuala Belait KA2331

Tel No: 333 0650

Fax No: 334 2297

Pusat E-Banking

Block B, Unit 4, 1st Floor, Kiarong Complex
Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah BE1318

Tel No: 244 9666

Fax No: 242 5741

Email: ebanking@baiduri.com

Pusat-pusat Prestige

CAWANGAN KIARONG

Unit 1, Block A, Kiarong Complex
Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah BE1318

Tel No: 226 8300

Fax No: 245 2888

CAWANGAN KUALA BELAIT

Units 2-4, Tang Ching Ying Building
Jalan Sungai, Kuala Belait KA2331

Tel No: 333 0650

Fax No: 334 2297

CAWANGAN KIULAP

Unit 1, Ground Floor, Block A
Kompleks Shakirin, Kg Kiulap BE1518

Tel No: 223 6905 / 6 / 10

Fax No: 223 6904

CAWANGAN SERIA

Unit 10, 1st Floor, Jalan Sultan Omar Ali, Seria

Tel No: 322 2450 ext. 213 / 215

Fax No: 322 2433

Pusat-pusat Smart Executive

CAWANGAN TIMES SQUARE

Unit F26, 1st Floor, Times Square
Kampung Jaya Setia, Mukim Berakas A

Tel No: 234 5111

Fax No: 234 5112

CAWANGAN SUMBANGSIH

Sumbangsih Bahagia, Baiduri Finance, Unit 1
1st Floor, Kompleks Perindustrian Beribi BE1118

Tel No: 242 8275

Fax No: 245 0877

Baiduri Finance Berhad

Sebuah anak syarikat milik penuh Bank Baiduri yang dipertubuhkan pada tahun 1996. Baiduri Finance adalah peneraju pasaran dalam pembiayaan kenderaan.

IBU PEJABAT

Sumbangsih Bahagia, Units 1-3
Ground and 1st Floor, Kompleks Perindustrian Beribi
Bandar Seri Begawan BE1118

Tel No: 242 6800

Fax No: 245 0877

CAWANGAN KUALA BELAIT

Unit 1, Ground Floor, Tang Ching Ying Building
Jalan Sungai, Kuala Belait KA2331

Tel No: 333 0570

Fax No: 333 0572

PEJABAT-PEJEBAT, CAWANGAN-CAWANGAN & RANGKAIAN ATM



Baiduri Capital Sdn Bhd

Baiduri Capital adalah anak syarikat milik penuh Baiduri Bank. Dibuka pada bulan Jun 2015, Baiduri Capital adalah yang pertama di Brunei menawarkan Perdagangan Sekuriti secara online. Syarikat juga menawarkan unit amanah dan produk-produk pelaburan yang lain.

Unit 9, Ground Floor, Block A, Kiarong Complex
Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah
Bandar Seri Begawan BE1318
Tel No: 226 8823/26

Lokasi-lokasi ATM Luar Cawangan

- Lapangan Terbang, Antarabangsa
- Pejabat Pos Bunut
- Centrepoint, Gadong
- Giant Hypermarket, Tasik Rimba
- Grand City Hotel, Batu Bersurat
- Hua Ho Manggis Mall
- Hua Ho Mall, Tanjong Bunut
- Pusat Memproses Mel, Lapangan Terbang Lama
- Petani Mall, Tutong
- Hospital RIPAS
- Soon Lee Megamart, Kuala Belait
- Soon Lee, Lambak Kanan
- Soon Lee, Sungai Liang
- Supa Save, Mabohai
- Supa Save Panaga, Mukim Seria
- The Core, Universiti Brunei Darussalam
- Times Square Mall, Mukim Berakas

Hubungi Kami

**PUSAT
PANGGILAN** **244 9666**
Buka 24 jam

**24-HOUR
HOTLINE** **245 4222**
Untuk melapurkan
kehilangan kad

WHATSAPP **729 5566**

EMEL **bank@baiduri.com**

LAMAN WEB **www.baiduri.com.bn**

